



Dr Wan Azizah bersama Ketua Pengarah Pusat Pengurangan Bencana Kebangsaan China, Wei Zhen Kuan mendengar taklimat teknologi satelit China, di Beijing, semalam. [foto BERNAMA]
 BH ms 4 11/07/2019

Pemetaan kawasan berisiko tinggi

Tingkat keupayaan hadapi bencana

Malaysia gerak kerjasama dengan China guna teknologi satelit

Beijing: Malaysia mahu meningkatkan persediaan menghadapi risiko bencana alam dan bencana industri melalui usaha pemetaan kawasan berisiko tinggi melalui penggunaan teknologi satelit, kata Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepakaran negara China dalam teknologi jangkaan bencana dan pemetaan kawasan zon berisiko bencana menggunakan satelit, antara yang boleh dimanfaatkan Malaysia menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dr Wan Azizah yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Beijing berkata,

ngan mendapat kerjasama dari Pusat Pengurangan Bencana Kebangsaan China.

“Usaha ini sedang digerakkan dan perjanjian persefahaman antara Malaysia dan China akan ditandatangani tidak lama lagi. Ketua Pengarah NADMA (Datuk Mohtar Mohd Abd Rahman) akan membuat susulan mengenai perkara ini,” katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Terdahulu, beliau melawat Pusat Pengurangan Bencana Kebangsaan China bagi mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan bencana menggunakan teknologi tinggi terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan China dan tahap kesediaan negara itu dalam menghadapi pelbagai jenis bencana.

Mengulas lanjut, Dr Wan Azizah berkata berkata berbanding Malaysia, China mempunyai tahap kesiapsiagaan yang lebih baik dengan menggunakan teknologi data raya selain latihan simulasi yang berterusan dalam menghadapi pelbagai bentuk bencana.

“Kita ada Jabatan Meteorologi,

di kawasan berisiko tinggi mengalami bencana.

“Di China mereka mempunyai data raya yang boleh digunakan untuk menganalisis dan dapat membuat jangkaan lebih awal itu yang kita kurang,” katanya.

Dr Wan Azizah yang juga Pengerusi NADMA, dalam kenyataannya, kelmarin berkata Malaysia dan China bersetuju untuk berkongsi amalan terbaik, bertukar-tukar lawatan antara pegawai, latihan bersama dan perkongsian ilmu dalam pengurusan bencana.

Persetujuan itu dicapai semasa pertemuan beliau bersama Penasihat Negara, Wang Yong yang juga bertanggungjawab terhadap pengurusan bencana di China kelmarin.

Dr Wan Azizah berkata, meskipun Malaysia mempunyai teknologi dan kemahiran seperti *remote sensing* dan *geo sensing*, maklumat yang diperolehi tidak dapat digunakan dengan sebaiknya kerana koordinasi yang lemah antara agensi berkaitan dan kekangan dalam bidang kuasa antara kerajaan pusat dengan ne-